



TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
PSM, SPMS, DPMS, DSAP
P124 AHLI PARLIMEN BANDAR TUN RAZAK

9hb November 2016

YB Datuk Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Awang
Presiden
Parti Islam Se Malaysia
Pejabat Agung PAS Pusat
Jalan Raja Laut
50380 Kuala Lumpur

Assalamualaikum WBT

PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR NEGERI SELANGOR

Segala pujian bagi Allah SWT serta selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW. Izinkan saya panjatkan doa semoga YB Tuan Guru serta keluarga beroleh kesihatan yang baik dan sentiasa berada dalam perlindungan Allah SWT hendaknya.

- 1) Saya percaya YB Tuan Guru sedia maklum bahawa Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan YAB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali sedang dalam fasa akhir untuk memuktamadkan Penstruktur Semula Industri Perkhidmatan Air Selangor yang telah saya mulakan sejak menerajui pentadbiran Kerajaan Negeri pada 2008 dan terhenti apabila terpaksa melepaskan jawatan pada September 2014.
- 2) Meskipun tidak lagi memegang jawatan sebagai Menteri Besar, namun saya tetap istiqamah dengan pendirian bahawa hak rakyat Selangor untuk menguruskan industri air sentiasa terjamin kerana air merupakan keperluan asas setiap insan di samping sentiasa menekankan apa jua tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Pusat hendaklah meletakkan kepentingan hakiki rakyat Selangor sebagai tunggak pertimbangan.
- 3) Walau bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini nampaknya, pendekatan tersebut seperti dikompromi oleh pentadbiran Kerajaan Negeri sekarang. Saya berasa amat terkejut apabila ahli Majlis Kerajaan (EXCO) Negeri Selangor yang

mewakili parti PAS iaitu YB Zaidy Abdul Talib telah membuat kenyataan media bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju menawarkan sejumlah RM2.7 billion bagi mengambil alih ekuiti Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor (SPLASH) iaitu melebihi 10 kali ganda dari tawaran asal bernilai RM250.6 juta yang telah dipersetujui di antara Kerajaan Selangor dan Kerajaan Persekutuan di dalam Perjanjian Utama bertarikh 12 September 2014.

4) Apabila saya mempersoalkan keputusan Kerajaan Negeri tersebut, YAB Menteri Besar cuba membidas dengan tohmahan kononnya saya juga pada tahun 2009 telah membuat tawaran sebanyak RM2.975 billion kepada SPLASH bagi nilai ekuiti syarikat konsesi tersebut. Justeru, saya mengambil kesempatan ini untuk menerangkan secara terperinci kedudukan perkara sebenar bagi memberi penjelasan kepada YB Tuan Guru agar dapat mengambil tindakan sewajarnya:

i) Saya tidak pernah pada sebarang masa membuat tawaran pengambilalihan ekuiti SPLASH dengan nilai RM2.975 billion seperti yang dituduh oleh Dato' Menteri Besar Selangor. Sebaliknya, saya membuat tawaran seperti di dalam jadual di bawah yang saya cabut dari Kertas Pembentangan dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negeri dan Kertas Putih yang saya bentangkan di Dewan Negeri Selangor pada November 2012:

- Bagi merealisasikan cadangan penstrukturkan tersebut, Kerajaan Negeri Selangor telah mengemukakan tawaran bagi mengambil alih Syarikat Konsesi Air sebanyak empat (4) kali, ringkasan tawaran yang telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

GROSS (RM/JUTA)	ABASS	SPLASH	PUNCAK	SYABAS	TOTAL
Tawaran (1) 13.02.2009	525	2,064	1,608	1,512	5,709
Tawaran (2) 25.06.2009	946	2,975	1,936	3,361	9,218
Tawaran (3) 06.01.2011	402	2,772	2,040	4,013	9,227
Tawaran (4) 20.02.2013	992.2	1,834.6	2,477.0	4,347.8	9,651.6

- Elemen yang diambil dalam membuat tawaran adalah:-
 - Jumlah dan tempoh pelaburan yang telah dibuat oleh pemegang saham di dalam Syarikat Konsesi Air;
 - Jumlah hutang yang ditanggung;
 - Nilai Aset diambil alih oleh PAAB bersamaan 1 x Nilai Buku; dan
 - Pulangan keuntungan sebanyak 12%.

Pecahan (2) dan (3) adalah seperti yang berikut:

	PHAS	Syabas	Splash	Tilson	TOTAL
1 Third State Offer					RM'000
Assets	1,936	2,361	2,975	946	9,218
Liabilities	(1,649)	(3,827)	(1,296)	(779)	(6,251)
Equity value payable to shareholders	887	334	1,579	167	2,567
2 Final Offer					
Assets	2,040	4,912	2,772	462	9,227
Liabilities	(1,346)	(3,654)	(2,126)	(122)	(7,366)
Equity value payable to shareholders	694.20	348.91	547.55	191.43	1,872.10
No. of shares	10.0	5.0	50.0	10.0	
Price per share	69.42	69.78	12.55	19.14	

Status tawaran tersebut adalah seperti berikut:

NILAI TAWARAN	JUMLAH (RM/JUTA)	STATUS
13.02.2009	5,709	<ul style="list-style-type: none"> Ditolak oleh kesemua Pemegang Konsesi
25.06.2009	9,218	<ul style="list-style-type: none"> ABASS dan SPLASH bersetuju menerima tawaran. SYABAS dan Puncak menolak tawaran
31.01.2010	9,227	<ul style="list-style-type: none"> Ditolak oleh kesemua Pemegang Konsesi

- ii) Saya percaya butiran di atas jelas menunjukkan bahawa semua tawaran yang dibuat kepada pemegang konsesi, termasuk SPLASH, bukanlah tawaran untuk nilai ekuiti semata-mata tetapi berpandukan kepada elemen-elemen yang ditetapkan di dalam penstrukturran iaitu jumlah pelaburan yang telah dibuat oleh pemegang saham syarikat konsesi, tempoh berlangsungnya pelaburan, jumlah liabiliti termasuk hutang dan bon yang ditanggung syarikat konsesi, nilaiann aset yang akan diambilalih oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) pada nilaiann satu kali Nilai Buku (1xBook Value) dan pulangan keuntungan sebanyak 12% setahun tanpa kompaun.

- iii) Mengikut rekod kami, tawaran yang dibuat pada 26 Jun 2009 kepada semua pemegang konsesi (Konsortium ABASS Sdn Bhd, Puncak Niaga, Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) dan SPLASH) berdasarkan prinsip "all or nothing" bermakna ianya hanya boleh disempurnakan jika kesemua empat pemegang konsesi menerima tawaran tersebut. Pada ketika itu, hanya ABASS dan SPLASH yang bersetuju manakala SYABAS dan Puncak Niaga telah menolak. Maka hasilnya, tawaran tersebut dengan sendirinya terbatal. Satu lagi perkara penting yang perlu ditekankan adalah jumlah keseluruhan tawaran pada waktu itu hanyalah RM9.218 billion.
- iv) Justeru, alasan Kerajaan Negeri bahawa saya telah pada 2009 menawarkan sejumlah RM2.975 billion bagi nilai ekuiti adalah terpesong dan seolah-olah dengan sengaja mahu mengelirukan rakyat dan pimpinan PAS.
- v) Kerajaan Negeri, selain gagal memberi tumpuan kepada kepentingan dan kebajikan rakyat Selangor, telah menyokong tuntutan SPLASH dan secara tidak langsung menuduh saya berlaku tidak adil atau lebih keras lagi, zalim kepada syarikat konsesi tersebut kerana menawarkan nilai ekuiti sebanyak RM250.6 juta.
- vi) Saya menegaskan bahawa dalam merangka pengambilalihan kesemua empat syarikat konsesi air ini, antara prinsip yang saya patuhi apda setiap masa adalah memberi tawaran yang munasabah di samping memastikan tiada pihak yang akan mengalami kerugian atau dalam keadaan lebih teruk (worse off). Saya yakin tawaran kepada SPLASH amat berpatutan kerana ianya bukan sahaja menjaga kepentingan syarikat tetapi diseimbangkan dengan kepentingan rakyat. Saya sertakan di bawah ini carta yang mampu menjelaskan perkara sebenar. Carta tersebut menunjukkan bahawa SPLASH tidak mengalami kerugian dengan tawaran yang dibuat oleh Kerajaan Negeri. Sepanjang tempoh konsesi, SPLASH bukan sahaja telah mengeluarkan dividen sebanyak RM725.4 juta, malah pada 2013, syarikat tersebut telah mencatat keuntungan sebanyak RM382 juta yakni setara dengan 93.47% dari modal asal mereka iaitu hanya RM400 juta.

The SPLASH issue explained

KDEB offer in February 2013 to acquire the concessionaires is as follows: -

RM million (@31 Dec 2012)	Puncak	SYABAS	SPLASH	ABASS	Total
Equity plus return@12% p.a.	1,117.5	520.5	250.6	86.2	1,974.7
Liabilities To-be Assumed	1,359.5	3,827.4	1,584.0	906.0	7,676.9
Total Value Ascribed	2,477.0	4,347.8	1,834.6	992.2	9,651.6

Element considered in valuation:

- Total investments made by shareholders in concessionaires
- Investment period;
- Total liabilities; &
- Return on investment of 12%.

The equity portion in the offer from KDEB is valued at RM250.6mil by applying a non-compounding 12% ROE invested up to Dec 31, 2012 and after the deduction of RM725.4mil in historical dividend pay-outs:

1. Splash shareholders have invested a total of RM400mil in equity capital (RM50mil ordinary shares and RM350mil in redeemable preference shares).
2. Applying a non-compounded return of 12% per annum on the RM400mil invested by Splash shareholders for the 12 years since the start of the concession in 2000 would result in a total return of RM576mil, which means a total payback of RM976mil, after including the initial investment RM400mil.
3. The historical dividends of RM725.4mil paid until the end of 2012 was not only sufficient for Splash shareholders to recover their initial RM400mil, but also left them with a return of RM325.4mil, almost doubling their investment within a period of 12 years.

Splash had been enjoying lucrative returns and synergistic benefits from the concession. For the financial year ended March 31, 2013, Splash posted a profit of RM382mil, translating into a pre-tax profit margin of 93.47%.

CLAIMS BY SPLASH

SPLASH has an audited net asset value of RM2.5 billion plus another 16 years of unexpired concession life.

That unexpired term in net present value terms is worth another RM1.4 billion.

RM400m

$\times 12\% \times 12\text{yrs}$

= RM48m $\times 12$

= RM576m

+ RM400m

= RM976m

- RM725.4m

= RM250.6m

"It would be unfair to the other water concession companies, all of which have accepted offers that are based on a **return on equity (ROE)** of 12% per year."

<http://www.malaysia-today.net/the-splash-issue-explained/>


- vii) Perlu diingatkan juga bahawa tanggungan liabiliti SPLASH pada 2013 berjumlah RM1.58 billion. Oleh itu, dengan tawaran pampasan ekuiti bernilai RM2.7 billion, kerajaan negeri sebenarnya telah menawarkan sejumlah RM4.2 billion (RM2.7+RM1.58) kepada SPLASH. Ini bermakna jumlah keseluruhan pengambilalihan syarikat konsesi air adalah RM12.1 billion berbanding RM9.65 dalam tawaran asal!!!
- 5) Untuk makluman YB Tuan Guru, se perkara lagi yang merunsingkan saya adalah bagaimanakah cara Kerajaan Negeri akan membiayai lebihan tawaran RM2.45 billion (RM2.7 billion tolak tawaran asal RM250.6 juta). Adakah rizab negeri yang berjumlah RM3.6 billion akan digunakan? Sekiranya ini berlaku, memang malang bagi rakyat Selangor kerana kos pembinaan Loji Labuhan Dagang yang dianggarkan bernilai RM800 juta juga akan menggunakan dana rizab tersebut.
- 6) Pada masa yang sama, saya juga ada mendengar desas-desus bahawa Kerajaan Selangor akan memohon bantuan pinjaman dari Kerajaan Persekutuan berjumlah RM2 billion bagi menampung transaksi pengambilalihan ekuiti tersebut. Jika pinjaman persekutuan ini diluluskan, maka kos khidmat hutang tersebut akan ditanggung oleh rakyat dengan kaedah kenaikan tarif air manakala program pemberian air percuma yang dinikmati rakyat Selangor sejak 2009 akan dikaji semula.
- 7) Saya amat kesal dengan kenyataan YB Zaidy bahawa Selangor telah melantik badan penilaian bebas untuk membuat penilaian baharu bagi pampasan ekuiti SPLASH yang akhirnya ditolak oleh Kerajaan Persekutuan kerana enggan membayar lebih daripada jumlah keseluruhan RM9.65 billion seperti yang termaktub di dalam Perjanjian Utama. Apakah keperluan dan niat sebenar Kerajaan Negeri untuk membuat penilaian semula secara ekslusif bagi SPLASH? Kenyataan beliau menggambarkan seolah-olah Kerajaan Negeri mempunyai kepentingan tersembunyi untuk menambah harga tawaran pengambilalihan ekuiti SPLASH. Jelas tindakan ini bertentangan dengan semangat dan dasar perjuangan PAS yang selama ini sentiasa mendahulukan kepentingan rakyat. Malangnya, dalam isu penstrukturkan inudstri air Selangor, tindak-tanduk EXCO PAS ini dilihat seperti bersubahat atau paling tidak membiarkan sahaja kepentingan korporat golongan tertentu membuat percaturan.
- 8) Mungkin YB Zaidy terlepas pandang peruntukan yang tertera di dalam Perjanjian Utama bahawa mana-mana syarikat konsesi yang tidak berpuas hati dengan tawaran Kerajaan Negeri berhak merujuk perkara tersebut kepada Badan Timbang Tara Antarabangsa untuk mendapat keadilan. Jelas tiada keperluan pun untuk Kerajaan Negeri membuat penilaian semula, jauh sekali meminda agar tawaran baharu lebih 10 kali ganda daripada tawaran asal.

9) Saya sesungguhnya amat berharap agar penjelasan panjang lebar di atas dapat memberi pencerahan kepada YB Tuan Guru mengapa saya tetap mempertahankan pandangan saya bahawa kerajaan negeri Selangor tidak boleh membuat tawaran melebihi dari apa yang telah dibuat pada 2013-2014 dahulu. Sebarang usaha untuk membayar lebih dari apa yang ditetapkan tidak lain dan tidak bukan merupakan pengkhianatan kepada kepercayaan yang diberikan rakyat kepada kita. Bagi memudahkan YB Tuan Guru meneliti perkara ini, saya lampirkan bersama surat ini Kertas Putih Penstruktur Semula Air Selangor yang saya bentangkan di dalam Dewan Negeri Selangor pada November 2012. Salinan asal Kertas Putih tersebut berada dalam simpanan Dewan Negeri Selangor dan boleh disemak oleh orang awam tertakluk kepada prosedur di bawah Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011.

Akhirul kalam, saya mendoakan semoga kita sama-sama mendapat kemudahan dan petunjuk dari Allah SWT.

Wassalam

Yang Benar,

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Abdul Khalid". It is written in a cursive style with a long horizontal stroke extending from the end of the signature.

TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM

Lampiran